

PENGENALAN KEPADA POLISI SOSIAL

Fatimah Zailly Ahmad Ramli
Noor Azizah Ahmad

PENGENALAN

Pembangunan dan pentadbiran sesebuah negara berlandaskan kepada pembentukan polisi yang menjurus berkenaan aspek ekonomi, politik dan sosial. Walaupun polisi ekonomi sering kali dilihat sebagai pemangkin utama pembangunan dan perkembangan manusia, namun peranan polisi sosial juga tidak kurang penting dan sewajarnya dilihat mempunyai peranan seiring dengan polisi-polisi lain dalam negara. Ini kerana, pembentukan dan penggubalan polisi sosial biasanya selaras dengan keperluan dan perubahan dalam persekitaran manusia seperti kelembapan ekonomi, krisis sosial dan perubahan pentadbiran sesebuah negara. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya sejak kebelakangan ini timbul minat dan kesedaran terhadap pentingnya polisi sosial dalam membangunkan masyarakat. Kepentingan ini disadari dalam usaha menangani masalah dan isu kebajikan sosial terutamanya dalam usaha meningkatkan dan memperbaiki kesejahteraan sosial di kalangan individu, kelompok mahupun masyarakat secara keseluruhannya. Ini selari dengan pandangan Marshall (1975), yang menyatakan bahawa tujuan sesuatu polisi itu digubal dan dilaksanakan adalah untuk memenuhi keperluan keselamatan dan kebajikan negara yang sekaligus akan membawa kepada kestabilan dalam negara.

Polisi sosial umumnya, berkembang melalui cabang pentadbiran sosial yang menjadi satu daripada keperluan latihan kepada individu yang berminat untuk menceburi bidang perundangan (*statutory*) dan perkhidmatan sukarelawan sosial (*voluntary social services*) (Davies, 2000). Bidang ini kemudiannya dibangunkan bersama-sama dengan bidang lain dalam sains sosial seperti ekonomi, diplomasi, sosiologi dan pentadbiran kerajaan tempatan dalam usaha 'mencipta' dan menyampaikan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, polisi sosial lebih tertumpu kepada bidang

seperti perumahan, kesihatan, keselamatan sosial, pendidikan dan kerja sosial atau dikenali juga sebagai perkhidmatan kemasyarakatan.

Titmuss (1974), berpandangan bahawa asas kepada penyusunan atau pembentukan semula aspek sosial (*social reconstruction*) adalah kerana wujudnya usaha untuk menangani masalah sosial dalam masyarakat seperti kemiskinan, wabak penyakit, pengetahuan kurang tentang sesuatu perkara, persekitaran yang kotor (*squalor*) seperti kawasan setinggan dan juga kemalasan (*idleness*). Menurut beliau lagi, semua masalah ini berpunca daripada pasaran ekonomi bebas sehingga menyebabkan wujudnya jurang ketaksamaan (*inequality*) dalam masyarakat. Maka dari sinilah diwujudkan satu polisi yang dapat 'memulihkan' keadaan yang berlaku dalam masyarakat. Contohnya di Malaysia, bagi mengurangkan masalah jurang ketidakseimbangan ekonomi dan kemiskinan yang berlaku dalam masyarakat maka kerajaan telah membentuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan diikuti Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa polisi sosial bukan sahaja dibentuk bertujuan untuk mengatasi masalah yang telah berlaku tetapi juga sebagai satu rancangan untuk dijadikan panduan bagi membentuk masyarakat ke arah yang diinginkan oleh negara seperti Wawasan 2020.

DEFINISI POLISI SOSIAL

Pelbagai pendapat telah dikemukakan oleh tokoh akademik dan ahli ekonomi terutamanya dalam mendefinisikan terma polisi sosial. Townsend (1976), mendefinisikan polisi sosial sebagai polisi yang berkaitan dengan pentadbiran kebajikan awam, iaitu membangunkan dan menguruskan sesuatu peruntukan kepada kerajaan tempatan seperti kesihatan, pelajaran, kebajikan dan keselamatan sosial untuk kesejahteraan masyarakat. Polisi sosial juga merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh sesebuah institusi yang mengawal bahagian perkhidmatan, agensi dan organisasi yang berkaitan dalam usaha untuk mengekalkan atau mengubah struktur dan nilai sosial dalam masyarakat melalui matlamat, tujuan dan strategi pelaksanaannya. Pada masa yang sama, polisi sosial juga sering dilihat sebagai satu tindakan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan kepada rakyatnya. Dalam hal ini, pihak kerajaan terlibat dalam menjaga kebajikan rakyatnya melalui pelbagai polisi sosial yang dirangka iaitu:

- (i) Memformulasi polisi sosial yang khusus kepada sasaran utamanya untuk mempertingkatkan kebajikan rakyat, contohnya Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN);
- (ii) Polisi sosial yang digabungkan dengan bidang lain dalam kebajikan sosial seperti ekonomi, alam sekitar, kesihatan dan polisi lain yang secara tidak langsung turut memberi impak kepada persekitaran sosial (*social conditions*), contohnya Dasar Perumahan Negara dan Dasar Kesihatan Mental;

- (iii) Polisi sosial kerajaan yang memberi kesan terhadap kebajikan masyarakat secara tidak nyata, contohnya Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran.

Menurut Midgley (2000), para sarjana dalam bidang polisi sosial telah mengenal pasti tiga mekanisme utama dalam melihat usaha kerajaan mempromosikan konsep kebajikan sosial. Mekanisme tersebut ialah:

- (i) Pelaksanaan program perkhidmatan sosial. Contohnya, program dalam bidang kesihatan, pendidikan dan perumahan.
- (ii) Penggunaan peraturan perundangan. Contohnya, penggubalan Akta Pekerjaan 1955 bagi menjaga kebajikan pekerja.
- (iii) Dasar fiskal kebajikan, iaitu polisi kebajikan yang dipraktikkan melalui sistem percukaian.

Manakala, ahli akademik pula melihat bidang polisi sosial daripada aspek pembangunannya, implementasi dan kesan pelaksanaan polisi ke atas masyarakat secara keseluruhannya. Midgley (2000), juga telah menggariskan bahawa, terma-terma polisi sosial melibatkan dua aspek penting berikut :

- (i) Polisi utama dan program kerajaan yang memberi kesan langsung kepada kebajikan masyarakat. Contohnya, projek perumahan kos rendah yang disediakan bagi menampung keperluan asas penduduk yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan tempat perlindungan dan kediaman yang sewajarnya.
- (ii) Polisi sosial yang menumpukan perhatian kepada persoalan yang berkait dengan huraian dan evaluasi sesuatu polisi dengan melihat kepada keberkesanan polisi dan fungsinya dalam masyarakat.

JENIS POLISI SOSIAL

Ripley dan Franklin (dalam Noor Azizah, 2001) membahagikan polisi sosial kepada empat jenis yang utama.

Polisi berbentuk Peraturan

Polisi ini dibentuk untuk dijadikan sebagai panduan dan tatacara bagi menyelaraskan tindakan dan aktiviti seseorang individu dan juga organisasi. Ini bermakna, perlakuan individu dan organisasi akan terhad kepada sempadan yang ditetapkan dalam polisi ini dan sekiranya berlaku pelanggaran boleh dikenakan tindakan undang-undang selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan. Contohnya, kerajaan telah menggubal Akta Kanak-kanak 2001 antara lain bertujuan menjelaskan tindakan yang akan dikenakan

sekiranya terdapat individu yang melakukan pengabaian, penganiyaan, penderaan atau melakukan keganasan terhadap kanak-kanak.

Polisi sebegini umumnya melibatkan tindakan seperti penggubalan undang-undang di mana sesuatu peraturan atau tatacara tersebut dijelaskan dan dikuatkuasakan yang boleh membawa kepada penilaian dari segi keberkesannya dilakukan. Tindakan ini berkemungkinan besar boleh membawa kepada pindaan terhadap polisi yang telah dikuatkuasakan bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.

Polisi berbentuk Agihan Semula

Polisi ini dibentuk oleh kerajaan bagi tujuan meningkatkan kesejahteraan masyarakat termasuklah penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan kepada masyarakat dan mengelakkan daripada wujudnya jurang perbezaan yang keterlaluan antara kelompok masyarakat. Untuk tujuan tersebut, kerajaan akan cuba mendapatkan sumber daripada kelompok yang memiliki kekayaan dan seterusnya menggunakan sumber tersebut bagi membantu kelompok lain yang memerlukan bantuan. Contohnya, cukai pendapatan yang dikenakan kepada individu yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Polisi berbentuk Agihan

Polisi ini dibentuk bertujuan untuk memastikan semua kelompok masyarakat mendapat peluang menikmati kekayaan negara dengan lebih adil di samping merapatkan jurang perbezaan dari segi pemilikan sumber. Contohnya, pembentukan DEB yang mempunyai dua tujuan iaitu membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum yang terdapat di negara ini. Selaras dengan kesedaran tentang pentingnya kedua-dua aspek ini maka tujuan ini telah diteruskan lagi dalam DPN.

Polisi Keselamatan

Polisi sebegini penting dibentuk bagi memastikan negara berada dalam keadaan aman dan selamat daripada sebarang ancaman sama ada dari dalam mahupun luar negara. Contohnya, tumpuan yang diberikan oleh kerajaan kepada masalah dadah yang boleh memusnahkan masa depan negara telah membawa kepada penggubalan Akta Dadah Berbahaya 1985 terutama dari segi pengedaran dadah yang boleh membawa kepada penganan hukuman gantung kepada individu yang terlibat. Kerajaan telah mewujudkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (*Internal Security Act (ISA) 1960*), Akta Rahsia Rasmi (*Official Secret Act (OSA) 1972*) bagi memastikan kedaulatan negara terjamin dan tidak berlakunya sebarang ancaman. Selain itu, polisi luar turut diambil bagi menyelaraskan hubungan antara negara ini dengan negara lain seperti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (*South East Asian Nuclear Free Weapon Zone (SEANFEZ)*) dan Forum Serantau Asean (*Asean Regional Forum (AFR)*).

SKOP DAN FOKUS DALAM POLISI SOSIAL

Terdapat dua kaedah utama yang digunakan untuk menyalurkan khidmat menerusi polisi sosial iaitu:

1. *Selectivity*

Kaedah yang memfokuskan penyaluran sumber kepada individu yang benar-benar memerlukan. Untuk tujuan tersebut pemilihan untuk menentukan individu yang layak akan dilakukan dengan menggunakan alat pengukuran yang tertentu. Contohnya, bagi golongan warga tua yang ingin mendapatkan bantuan di bawah skim Bantuan Orang Tua daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu membuat permohonan dan dikenal pasti memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Syarat yang telah ditetapkan ialah warga tua yang berusia 60 tahun ke atas yang tidak mempunyai saudara-mara atau mempunyai saudara-mara yang tidak berkemampuan dan tiada mata pencarian tertentu untuk menyara kehidupannya.

2. *Universality*

Kaedah yang lebih menyeluruh dan lebih mudah kerana ia menyalurkan perkhidmatan dan sumber kepada semua orang dalam satu kategori yang luas. Contohnya, Dasar Kebajikan Masyarakat dibentuk bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan dan kestabilan masyarakat bagi menuju ke arah mewujudkan keadilan sosial. Secara umumnya, dasar ini telah mengenal pasti golongan sasaran untuk menyalurkan khidmat kepada kelompok yang luas, antaranya ialah golongan wanita dan remaja, kanak-kanak, warga tua, golongan kurang upaya dan juvana.

Polisi sosial memfokuskan kajian kepada aspek kebajikan dan perkhidmatan sosial. Banyak tokoh dalam bidang ini berpandangan, perbincangan berkaitan disiplin ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek utama seperti berikut:

- (i) Polisi berkaitan dengan amalan perkhidmatan dalam kesihatan, pendidikan, keselamatan sosial, perkhidmatan pekerja, penjagaan komuniti dan pengurusan perumahan.
- (ii) Polisi yang berkaitan dengan isu sosial dan masalah sosial seperti masalah setingan, penganiayaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga.
- (iii) Polisi yang menumpukan kepada usaha memastikan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Contohnya, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara dan Dasar Kesihatan Mental Negara.

Untuk tujuan penggubalan suatu polisi sosial, Abdullah (2001), menjelaskan bahawa tumpuan utamanya perlu meliputi hierarki sosial berikut: individu, keluarga, institusi, komuniti, mukim, daerah, negeri, sektor, negara dan dunia. Hierarki sosial ini penting bagi memastikan kelancaran sesuatu pelaksanaan polisi terbabit kepada kumpulan sasaran dalam masyarakat dan melihat sejauh mana kesesuaian tindakan yang diambil

terhadap kumpulan sasaran berkenaan. Sebagai contoh, Dasar Belia Negara yang dirangka bagi sasaran kumpulan umur 18 - 40 tahun (mengikut takrifan Majlis Belia Malaysia) bertujuan untuk menyusun dan mengendali program belia di negara ini. Melalui dasar ini, pelbagai strategi diatur bagi memupuk keperibadian sempurna serta membekalkan kemahiran tertentu kepada golongan belia seperti keusahawanan, teknikal dan yang terbaru kemahiran dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

PENDEKATAN DAN KAEDAH DALAM POLISI SOSIAL

Perbincangan dalam bahagian ini melihat kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang diaplikasikan dalam polisi sosial dan kaitannya dengan bidang kerja sosial dan kebajikan sosial. Dalam pengkajian polisi sosial, Erskine (1998), telah membincangkan tiga konsep utama yang sering menjadi tumpuan iaitu isu sosial (*social issues*), masalah sosial (*social problems*) dan kelompok sosial (*social groups*). Manning (1998), juga turut membincangkan tentang aspek masalah sosial dan menambahkan tiga lagi konsep yang berkaitan iaitu perkhidmatan sosial (*social services*), kebajikan sosial (*social welfare*) dan keperluan sosial (*social needs*). Keenam-enam konsep ini dianggap sebagai pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan untuk memahami bidang polisi sosial dengan lebih mendalam.

Isu Sosial

Isu sosial dianggap sebagai titik mula dalam usaha memahami bidang polisi sosial kerana ia meneroka isu semasa yang berlaku dalam masyarakat. Ini kerana isu sosial timbul, apabila berlakunya sesuatu masalah atau rasa tidak puas hati tentang sesuatu perkara atau tindakan yang biasanya berkait rapat dengan individu sebagai ahli dalam masyarakat yang berinteraksi dengan persekitarannya. Contohnya, peningkatan jumlah warga tua di negara ini menyebabkan kerajaan dan masyarakat perlu menumpukan perhatian kepada isu berkaitan dengan warga tua seperti kesihatan mental dan fizikal, nafkah hidup, tempat perlindungan, pengabaian dan penderaan. Melalui isu yang timbul ini, maka kerajaan akan merangka polisi yang bersesuaian dengan mengambil kira input daripada pelbagai disiplin seperti ekonomi (dari segi jumlah wang yang boleh disediakan bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan), sosiologi (dari segi peranan masyarakat kepada golongan warga tua), dan psikologi (dari sudut perasaan warga tua dan keperluan mereka) bagi memastikan tindakan yang sewajarnya boleh diambil bagi menjamin kesejahteraan warga tua.

Masalah Sosial

Masalah sosial dianggap sebagai satu pendekatan dalam polisi sosial kerana ia 'diharapkan' untuk menyelesaikan masalah sosial itu melalui tindakan yang rasional. Masalah sosial merujuk kepada masalah yang dialami oleh sebahagian besar anggota kelompok seperti jenayah, pengangguran, AIDS, dan kemiskinan sehingga tidak dapat memenuhi keperluan asas. Pendekatan masalah sosial melihat kepada:

- (i) Keadaan sosial (*social conditions*) - keadaan yang menyebabkan berlakunya masalah tersebut dan kesannya kepada masyarakat.
- (ii) Persepsi (*perception*) - pandangan individu, masyarakat atau pihak kerajaan tentang masalah yang dihadapi.
- (iii) Penilaian (*judgement*) - penilaian yang dibuat terhadap kesan masalah dan untuk menentukan sama ada sesuatu tindakan perlu diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut.
- (iv) Jalan penyelesaian (*solutions*) - memikirkan cara bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Tindakan ini boleh melibatkan usaha mendapatkan input daripada aktor-aktor yang terlibat dengan masalah berkenaan. Keputusan dibuat setelah semua aspek diambil kira.

Kelompok Sosial

Pendekatan lain dalam polisi sosial adalah memfokuskan kumpulan sosial yang berbeza seperti warga tua, kanak-kanak, pengemis, penganggur dan orang-orang cacat. Pendekatan ini akan melihat apa yang terjadi dalam masyarakat dan bagaimana ia memberi kesan kepada kumpulan sosial ini. Contohnya, merujuk kepada masalah pengangguran, pakar polisi sosial ingin mengetahui bagaimana kumpulan sosial ini 'berinteraksi' dalam kehidupan akibat ketiadaan pekerjaan lantas memikirkan langkah yang perlu dilakukan untuk kumpulan ini, iaitu membentuk polisi yang secara langsung dapat menangani masalah ini.

Keperluan Sosial

Keperluan sosial merujuk kepada keperluan asas yang perlu dimiliki oleh setiap individu bagi memenuhi keperluan kehidupan. Keperluan asas boleh dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut pandangan beberapa tokoh seperti Bradshaw (1994), yang membahagikannya kepada empat iaitu:

- (i) Keperluan normatif (*Normative need*) –keperluan yang ditentukan berasaskan kepada norma atau piawaian yang ditetapkan oleh masyarakat atau pakar.
- (ii) Keperluan perbandingan (*Comparative need*) –kekurangan atau masalah yang dihadapi oleh satu kelompok jika dibandingkan dengan kelompok yang lain yang tidak menghadapi masalah.
- (iii) Keperluan yang dirasakan (*Felt need*) –keperluan yang dirasakan oleh seseorang individu iaitu keperluan mengikut pandangan mereka sendiri.
- (iv) Keperluan yang dinyatakan (*Expressed need*) –keperluan yang dimaklumkan atau diberitahu oleh individu. Ini kerana ada individu memerlukan sesuatu tetapi tidak menyatakannya.

Kebajikan Sosial

Kebajikan sosial merujuk kepada penyusunan sosial (*social arrangement*) yang dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memenuhi keperluan sosial individu dan kelompok dalam masyarakat untuk menangani masalah sosial. Jenis institusi kebajikan sosial yang terlibat dalam penyusunan sosial ini ialah keluarga, pasaran, pertubuhan bukan kerajaan dan negara kebajikan.

Perkhidmatan Sosial

Perkhidmatan sosial merujuk kepada perkhidmatan yang diutamakan dalam membangunkan masyarakat seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan skim keselamatan sosial. Polisi sosial menitikberatkan bagaimana kesemua perkhidmatan ini diurus dan ditadbirkan serta melihat keberkesannya kepada kumpulan sosial yang telah dikenal pasti.

POLISI SOSIAL DI MALAYSIA

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kewujudan sesuatu polisi sosial mempunyai kaitan dengan timbulnya sesuatu isu. Isu-isu sosial khususnya yang berlaku dalam masyarakat secara langsung membawa kepada terbentuknya tindak balas untuk menangani masalah tersebut. Walaupun Malaysia bukanlah dikenali sebagai sebuah negara kebajikan (*welfare state*) seperti United Kingdom, Sweden dan Belgium, namun pihak kerajaan tetap memainkan peranan mereka dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Berikut beberapa polisi sosial dalam negara akan dibincangkan terutama polisi yang berkait secara langsung dengan pembangunan sosial dan peningkatan kesejahteraan masyarakat. (Penggubalan dan pelaksanaan polisi sosial ini meliputi semua aspek kehidupan masyarakat dan mencerminkan kesedaran sosial dan tanggungjawab pihak kerajaan ke arah memperjuangkan keadilan sosial (*social justice*) dalam erti kata yang sebenarnya.

Sejak kemerdekaan negara 48 tahun lalu, terdapat pelbagai polisi sosial yang telah digubal dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha memenuhi objektif negara seperti menjaga kebajikan sosial dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Kesemua polisi sosial ini merangkumi sembilan kumpulan sasaran seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) iaitu orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak, remaja/juvana, keluarga, orang papa, wanita dan gadis, komuniti, warga tua dan orang miskin.

Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN)

DKMN boleh dianggap tonggak utama kepada polisi sosial berkaitan kesejahteraan masyarakat yang dibentuk oleh pihak kerajaan. Penggubalan dasar kebajikan masyarakat negara bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan rakyat serta kestabilan masyarakat

menuju ke arah mewujudkan keadilan sosial. Ini kerana, perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat mewujudkan tekanan dan masalah sosial kepada individu, keluarga, kelompok dan komuniti. Oleh itu, DKMN diperkenalkan bagi memberi satu pendekatan bercorak pencegahan dan pembangunan dalam masyarakat melalui program dan pelan tindakan yang dijanakan oleh agensi berkaitan sama ada pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan. Contohnya, masalah sosial yang berlarutan seperti jenayah, kenakalan juvana, masalah lepak, penderaan dan keganasan dalam rumah tangga memerlukan satu polisi sebagai asas atau panduan ke arah memenuhi tujuan atau matlamat bagi kepentingan masyarakat dengan berlandaskan nilai sosial seperti keadilan, keharmonian dan kesepaduan.

Dasar Warga Tua (DWT)

Dasar ini digubal berdasarkan peningkatan demografi warga tua dan kesedaran bahawa betapa pentingnya peranan warga emas ini kepada pembangunan negara. DWT yang diperkenalkan pada tahun 1995 memberikan peluang kepada golongan warga emas ini untuk menikmati semua peluang, di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara. DWT juga menjadi wadah dalam menentukan kebajikan dan kesejahteraan warga tua melalui strategi-strategi yang disusun. Antara lain, DWT memberi penekanan kepada usaha penglibatan warga tua dan mengoptimumkan potensi diri mereka dalam bidang seperti pendidikan, penyertaan dalam masyarakat, pekerjaan, sistem sokongan bagi keluarga, kesihatan dan keselamatan sosial.

Dasar Belia Negara

Dasar ini telah diperkenalkan bagi mengerakkan tenaga belia terutama dalam membimbing pergerakan belia negara dengan memberi perkhidmatan sosial dan riadah kepada golongan ini. Dasar ini bertujuan untuk membangunkan taraf sosial dan ekonomi belia di samping mengukuhkan perpaduan dan keselamatan negara. Rasional di sebalik dasar ini adalah kerana belia merupakan sumber tenaga penting kepada negara yang boleh digemblengkan ke arah pembangunan yang mampan. Melalui pertubuhan belia yang wujud dan program latihan belia, dasar ini membentuk dan mengekalkan identiti belia itu sendiri terutama dalam menangani masalah sosial yang meruncing kini.

Dasar Wanita Negara

Dasar Wanita Negara (DWN) yang digubal dalam tahun 1989 bermatlamatkan untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Pembentukan DWN adalah selaras dengan kesedaran pentingnya peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh wanita dalam membangunkan negara. Rasional di sebalik pelaksanaan polisi berkaitan wanita ini adalah supaya memberi panduan serta arah haluan dalam segala usaha pembangunan supaya kepentingan dan penyertaan wanita tidak terabai. Ia juga diharapkan dapat mengintegrasikan sumbangan dan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negara dalam masa yang sama dapat

mengembangkan potensi wanita secara optimum. Penekanan utama dasar ini ialah dalam bidang pendidikan, latihan, program pengintegrasian wanita dan pembasmian diskriminasi.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tumpuan kajian polisi sosial meliputi semua aspek kehidupan masyarakat. Ia dibentuk sebagai panduan untuk mencapai sesuatu matlamat sosial yang dikehendaki oleh negara dan penyelesaian awal kepada isu-isu dan masalah sosial yang wujud dalam masyarakat. Polisi sosial tidak hanya menumpukan kepada bidangnya yang tersendiri tetapi turut mengambil input daripada bidang lain seperti ekonomi, geografi, politik, sosiologi, psikologi dan perundangan. Tindakan ini dilakukan bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang sesuatu perkara yang dikaji dan mewujudkan satu koordinasi yang terbaik bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Pembangunan polisi sosial di Malaysia sejak zaman penjajahan hingga ke hari ini menyaksikan bahawa kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat tetap diutamakan melalui strategi dan pelaksanaan program pembangunan serta perkhidmatan sosial dalam negara.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, Malim Baginda. (2001). *Proses-proses pembuatan polisi sosial di Malaysia*. Pembentangan di Ceramah Kerja Sosial pada 12 Ogos 2001 (Ahad) bertempat di DKG 2/6, anjuran Program Pengurusan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Bradshaw, J. (Eds.), (1994). *Researching the people's health*. London: Routledges.
- Dasar Kebajikan Masyarakat Negara*. Diperoleh 3 Mac 2002 daripada <http://www.Kempadu.gov.my/JKM/BM/dasar.htm>.
- Dasar-Dasar Kerajaan*. Diperoleh 3 Mac 2002 daripada [http://www.intan.kintan.my/Ikwas/MISC/dasar kerajaan.htm](http://www.intan.kintan.my/Ikwas/MISC/dasar_kerajaan.htm).
- Davies, M. (2000). *The Blackwell encyclopedia of social work*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Erksire, A. (1998). The approaches and methods of social policy. Dalam Alcock, P., Erskire, A., and May, M. (Eds.), *The student's companion to social policy*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Manning, N. (1998). Social needs, social problems and social welfare. Dalam Alcock, P., Erskire, A., and May, M. (Eds.), *The student's companion to social policy*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Marshall, T. H. (1975). *Social policy in the twentieth century*. London: Hutchinson.
- Midgley, J., Tracy, M.B., & Livermore, M. (2000). *The handbook of social policy*. California: Sage Publications.
- Noor Azizah, Ahmad. (2001). Kerja sosial di Malaysia: Hubung kait di antara polisi sosial dan amalan kerja sosial. Dalam Fuziah Shafie dan Abdul Razak Abd.Manaf (Pnyt.), *Pengenalan kerja sosial: Artikel-artikel pilihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Titmuss, R. M. (1974). *Social policy: An introduction*. London: Allen and Unwin.
- Townsend, P. (1976). *Sociology and social policy*. Harmondsworth: Penguin